

## **UOB Kay Hian Rangkul Anugerah Broker Runcit Ekuiti Islam Terbaik Bursa**

**Kuala Lumpur, 29 April 2024** – UOB Kay Hian dinobatkan juara Broker Runcit Ekuiti Terbaik Bursa Malaysia-*i* 2023 dalam kategori pasaran ekuiti Islamik di majlis Bursa Excellence Award 2023 yang mengiktiraf prestasi cemerlang broker dan pengantara pasaran modal.

Selain itu, UOB Kay Hian turut menang anugerah tempat ketiga dalam kategori berikut:

- 2023 Broker Runcit Ekuiti Terbaik (Bukan Bank Pelaburan)
- 2023 Broker Institusi Ekuiti Terbaik (Bukan Bank Pelaburan)

“UOB Kay Hian amat berbesar hati dengan anugerah ini kerana ia adalah pengiktirafan kepada komitmen dan kepimpinan kami dalam memajukan perdagangan saham patuh Syariah di Malaysia sejajar dengan permintaan untuk pelaburan ekuiti Islamik yang semakin meningkat. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelanggan dan karyawan kami yang menjadi tulang belakang kejayaan ini,” kata ketua pegawai eksekutif UOB Kay Hian David Lim.

“Kami percaya pemeraksanaan ilmu kewangan adalah inisiatif terbaik untuk meningkatkan kebolehpayaan pelabur muda. Itulah sebabnya kami bekerjasama dengan Bursa Malaysia-*i* dan institut pendidikan tinggi untuk menawarkan bengkel pelaburan yang mengangkat situasi dunia sebenar untuk dianalisa secara fundamental dan teknikal. Cara ini menerapkan ilmu pelaburan kepada generasi muda dan sedikit sebanyak ini menarik belia untuk melabur,” tambah Lim.

Kategori anugerah ini berlatarbelakangkan pasaran ekuiti Syariah yang terus berkembang di Malaysia. Bursa Malaysia melaporkan peningkatan 1.6% tahun ke tahun dalam permodalan pasaran Syariah pada 2023, dengan bilangan syarikat tersenarai awam yang patuh Syariah mencecah 82% daripada jumlah keseluruhan dan dijangka akan terus meningkat.

UOB Kay Hian menawarkan pelbagai pilihan pelaburan patuh Syariah termasuk saham global, REIT, ETF dan sukuk.

##

## **Tentang UOB Kay Hian**

UOB Kay Hian, sebahagian daripada Kumpulan UOB, ialah salah satu firma broker terbesar di Asia. UOB Kay Hian adalah rakan kongsi kewangan yang dipercayai untuk pelaburan Islam di Malaysia melalui rangkaian produk global patuh Syariah dan jangkauan pendidikan celik kewangan untuk memperkasakan pelabur muda dengan kefahaman pelaburan. UOB Kay Hian menyediakan perkhidmatan berdasarkan prinsip pelaburan bertanggungjawab yang disokong penuh oleh tenaga kerja yang berdedikasi untuk membantu menempuh persekitaran zaman yang semakin kompleks. Ketahui lebih lanjut di <https://www.utrade.com.my>

### **Sylvia Wee**

+603 2147 1902

[sylviawee@uobkayhian.com](mailto:sylviawee@uobkayhian.com)

### **Siti Maimunah**

+603 6205 6107

[sitimaimunah@uobkayhian.com](mailto:sitimaimunah@uobkayhian.com)

## Gambar Majlis



Pemenang Bursa Excellence Awards 2023 untuk “Best Retail Equities Bursa Malaysia-i Participating Organisation” dalam kategori pasaran Islamik: (Dari kiri ke kanan) Datuk Muhamad Umar Swift, Ketua Pegawai Eksekutif di Bursa Malaysia; Siti Maimunah binti Tamin, Ketua Pelaburan Runcit di UOB Kay Hian Securities (M) Sdn Bhd; Mohd Zulkifli Mustafa, Pengarah, Akselerator Perniagaan di Bursa Malaysia.